

15 MAY 1998

MAHATHIR RASMI PEJABAT PETRONAS DI SUDAN

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan pejabat Petroliam Nasional Bhd (Petronas) di Sudan dan melancarkan operasinya di negara itu.

Upacara itu diadakan di ibu negara Sudan, Khartoum. Mahathir berada di sana kerana mengadakan lawatan rasmi ke negara itu.

Menurut kenyataan Petronas yang dikeluarkan di sini, pembukaan pejabat di Sudan menandakan komitmen Petronas untuk meningkatkan perniagaan dan mengukuhkan kehadirannya di Sudan.

Pada Mei 1997, Petronas menandatangani perjanjian dengan Kementerian Tenaga dan Perlombongan Sudan untuk mengadakan kerjasama dan memberikan bantuan teknikal.

Perjanjian tersebut merangkumi kerjasama penyelidikan hiliran dan huluan, program-program latihan dan menubuhkan pusat latihan dan kemudahan makmal untuk Kementerian Tenaga dan Perlombongan Sudan.

Usaha tersebut dijalankan oleh anak syarikat Petronas, Petronas Management Training Sdn Bhd dan Petronas Research and Scientific Services Sdn Bhd.

Petronas, yang kini terlibat secara aktif dalam projek hiliran dan huluan di 19 negara, mula terlibat dalam industri petroleum Sudan pada 1996.

Ia dipelawa mengambil bahagian dalam projek pembangunan dan carigali petroleum di Lembangan Muglad dengan pegangan 30 peratus ekuiti dalam Greater Nile Petroleum Operating Company Ltd (GNPOC). -- BERNAMA

YY JR MA